



“AKIDAH DAN IMAN DASAR KEHIDUPAN SESEORANG MUSLIM”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ
الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ
إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ حَبِيبُهُ وَخَلِيلُهُ، اللَّهُمَّ فَصِّلْ وَسَلِّمْ
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ
وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ
تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT., dengan melaksanakan segala perintahnya dan meninggalkan segala larangannya. Mudah-mudahan kita akan beroleh kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

Khutbah hari ini memperkatakan soal "***Akidah Dan Iman Dasar Kehidupan Seseorang Muslim***".

Sidang Jumaat yang dimuliakan,

Kebelakangan ini tingkah laku sebahagian umat Islam tanpa mengira kedudukan, menggambarkan kepada kita betapa lemahnya aqidah dan keimanan mereka. Banyak kejadian-kejadian yang tidak diingini dan bertentangan dengan syariat Islam berlaku dalam masyarakat Islam. Masalah sosial semakin sukar untuk dibendung. Sebahagian daripada punca berlakunya gejala sosial ini, ada yang dirancang dan diprogramkan oleh golongan tertentu untuk sesuatu tujuan, termasuk mengambil kesempatan bagi mengaut keuntungan tanpa menghiraukan kesan buruk seperti konsert-konsert liar yang mengundang keruntuhan akhlak, kematian dan hiburan yang dipenuhi dengan maksiat dan dadah.

Sidang Jumaat yang dirahmati sekalian,

Ulama' Islam sepakat mengatakan bahawa aqidah adalah dasar yang paling utama untuk mengenal Allah dan menjadi pokok dalam ajaran Islam. Rasulullah SAW. mendahulukan dan mengutamakan aspek aqidah dalam mentarbiah para sahabat bagi membentuk sikap dan watak tauhid dalam kehidupan. Akidah dan nilai Islam mendasari pemikiran dalam kerangka



membina tamadun secara bersepadu dan seimbang antara jasmani dan rohani, antara kebendaan dan kemanusiaan.

Firman Allah SWT. dalam surah al-Baqarah ayat 177:

لَيْسَ الْبِرَّ أَنْ تُوَلُّوا وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ
وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ
وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّينَ ...

"Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat, dan segala malaikat, dan segala kitab, dan sekalian Nabi..."

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Selain mendasari pemikiran, akidah juga mendasari amalan. Amalan seseorang walau sebaik mana sekalipun hanya akan diterima oleh Allah SWT. jika ia beriman dan berpegang dengan akidah yang benar. Ini kerana amalan orang yang tidak beriman tidak akan mengambil kira aspek sah atau batal, halal atau haram, suruhan atau larangan. Mereka tidak mengharapkan pahala serta tidak takut siksaan hari kemudian. Mereka beramal dan bekerja bukan kerana untuk mendapat keredhaan Allah SWT.

Firman Allah SWT. dalam surah Ibrahim ayat 18:



مَثَلُ الَّذِينَ كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ^ص أَعْمَلُهُمْ^ص كَرَمَادٍ
أَشْتَدَّتْ بِهِ الرِّيحُ فِي يَوْمٍ عَاصِفٍ لَا يَقْدِرُونَ مِمَّا
كَسَبُوا عَلَى شَيْءٍ ذَٰلِكَ هُوَ الضَّلَالُ الْبَعِيدُ ﴿١٨﴾

"Bandingan (segala kebaikan amal dan usaha) orang-orang yang kufur ingkar terhadap Tuhannya ialah seperti abu yang diterbangkan angin pada hari ribut yang kencang; mereka tidak memperoleh sesuatu faedah pun dari apa yang mereka telah usahakan itu. Sia-sianya amalan itu ialah kesan kesesatan yang jauh dari dasar kebenaran".

Sidang Jumaat yang dimulihkan,

Iman ditakrifkan sebagai mengikrarkan dengan lidah, membenarkan dengan hati dan beramal dengan anggota. Daripada pengertian ini ulama' sepakat mengatakan bahawa :

1. Mereka yang hanya mengaku dengan lidah sahaja, sedangkan hatinya mendustakan, ia digolongkan sebagai orang munafik. Mereka akan menerima azab lebih kuat lagi daripada azab orang yang ingkar. Mereka ditempatkan didalam neraka yang paling bawah sekali.

Firman Allah SWT. dalam surah an-Nisa' ayat 145 :



إِنَّ الْمُنَافِقِينَ فِي الدَّرَكِ الْأَسْفَلِ مِنَ النَّارِ وَلَنْ
تَجِدَ لَهُمْ نَصِيرًا

"Sesungguhnya orang-orang munafik itu ditempatkan pada tingkatan yang terke bawah sekali dari (lapisan-lapisan dalam) neraka. dan engkau tidak sekali-kali akan mendapat sesiapa pun yang boleh menolong mereka".

2. Seseorang yang membenarkan dengan hatinya dan mengikrarkan dengan lidahnya tetapi enggan beramal dengan anggotanya adalah melakukan maksiat dan dosa kepada Allah dan RasulNya. Ia akan menerima balasan neraka di akhirat. Bagaimanapun orang yang berdosa tidak jadi kafir selama mana ia tidak mengingkari hukum hakam yang disyariatkan, sekalipun ia mati sebelum sempat bertaubat. Mereka juga akhirnya akan dimasukkan ke dalam syurga.

Sidang Jumaat yang dirahmati sekalian,

Iman ada tahap tinggi dan rendahnya. Hadis daripada Abu Hurairah RA. bahawa Rasulullah SAW. bersabda yang bermaksud:

"Iman ada mempunyai tujuh puluh cabang, setinggi-tingginya ucapan LA ILAHA ILLA-ALLAH dan serendah-rendahnya membuang sesuatu benda yang menyakiti manusia ditengah jalan dan malu itu sebahagian daripada cabang iman".

(riwayat muslim)



Dari penjelasan hadis tersebut, menunjukkan bahawa iman seseorang boleh dikesan dan dilihat tanda-tandanya. Melakukan suruhan dan meninggalkan larangan daripada yang sekecil-kecilnya adalah gambaran yang terjelma daripada dorongan keimanannya. Justeru, iman seseorang boleh bertambah dan boleh berkurang. Bertambah disebabkan ketaatannya dan berkurang disebabkan keingkarannya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita berusaha menambah dan menyuburkan keimanan kita, menyiram dan membaja dengan amal soleh. Melakukan kerja harian kita dengan penuh ihsan, iaitu meyakini sesungguhnya Allah SWT sentiasa melihat kita. Begitu juga dalam hal-hal yang berkaitan dengan ibadah khusus, supaya dapat ditingkatkan. Semoga dengan membiasakan yang sunat, yang wajib akan lebih terpeliharadan dengan membiasakan meninggalkan yang makruh, yang haram dapat dihindarkan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Pengajaran daripada khutbah hari ini adalah :

1. Kita hendaklah sentiasa menjadikan akidah sebagai dasar atau paksi bagi kehidupan sebagai seorang muslim.
2. Hendaklah meyakini bahawa pendirian dan pandangan hidup orang beriman tidak akan sama dengan orang yang tidak beriman.
3. Hendaklah meyakini bahawa gejala sosial yang berlaku dikalangan masyarakat adalah berpunca daripada lemahnya keimanan dan akidah.



4. Kita hendaklah tingkatkan ilmu dan amal soleh untuk memantapkan iman.
5. Usaha bersepadu semua pihak perlu digembleng bagi memelihara akidah ummah.
6. Umat Islam hendaklah menghindari segala unsur-unsur yang boleh melemahkan akidah seperti hiburan yang melampau, tahyul, khurafat, sebaran fitnah internet dan laman-laman sosial dan lain-lain lagi.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
مَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلِنَفْسِهِ ^{صَل} وَمَنْ أَسَاءَ فَعَلَيْهَا ^{قَالَ}
وَمَا رَبُّكَ بِظَلَّامٍ لِلْعَبِيدِ ﴿٤٦﴾

"Sesiapa Yang mengerjakan amal soleh maka faedahnya akan terpulung kepada dirinya sendiri, dan sesiapa Yang berbuat kejahatan maka bahayanya akan menimpa dirinya sendiri; dan Tuhanmu tidak sekali-kali berlaku zalim kepada hamba-hambanya".

(Surah Fussilat: 46)



بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: 'إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ
لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ



الأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ
بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ ،
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ ، سُلْطَانَ
شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ
سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ .
اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ ، تَعَكُّو أَمِيرِ
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا



ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمَرَهُمَا مُصْلِحِينَ
لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا
لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.